

MAHATHIR - PEMBANGUNAN 1984

KUALA SELANGOR, 4 DIS. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASXHATKAN PENDUDUK KAMPUNG SUPAYA MENGUBAH SIKAP DAN CARA HIDUP DENGAN MENERIMA RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN MELALUI PENYUSUNAN SEMULA KAMPUNG.

SEMASA BERUCAP KEPADA PENDUDUK KAMPUNG PARIT MAHANG DISINI, BELIAU BERKATA, NIAT KERAJAAN MEMPERKENALKAN RANCANGAN-RANCANGANNYA SEMATA-MATA UNTUK CUBA MEMBAIKI TARAF KEHIDUPAN MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA PENDUDUK KAMPUNG TIDAK SANGGUP BERBUAT DEMIKIAN, KEHIDUPAN MEREKA AKAN TETAP MISKIN DAN SATU HARI NANTI MEREKA MUNGKIN AKAN IRI HATI MELIHAT ORANG LAIN YANG SUDAH MENJADI KAYA.

OLEH YANG DEMIKIAN, KATANYA, SETIAP PENDUDUK KAMPUNG HARUS BERUSAHA DENGAN LEBIH KUAT DAN BERSEEDIA UNTUK MENERIMA RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN.

BELIAU BERKATA WALAUPUN ADA PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG CUBA MENGCAGALKAN RANCANGAN KERAJAAN, NAMUN PENDUDUK KAMPUNG TIDAK SEHARUSNYA TERPENGARUH DENGAN PUJUH RAYU MEREKA.

+ INI ADALAH KERANA GOLONGAN SEPERTI INI CUBA MENGGUNAKAN PENDUDUK KAMPUNG UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI, + TEGAS PERDANA MENTERI.

BELIAU YAKIN PENDUDUK KAMPUNG KINI SUDAH SEDAR AKAN TANGGUNGJAWAB MEREKA DAN FAHAM BAHWA MEREKA LAH YANG AKAN MENENTUKAN NASIB SENDIRI.

PERDANA MENTERI JUGA MENGESYORKAN LADANG-LADANG KECIL DICANTUMKAN MENJADI SEBUAH LADANG BESAR BAGI MENINGKATKAN PENDAPATAN PEKEBUN KECIL.

MEREKA HARUS MENGAMBIL CONTOH CARA PENGURUSAN LADANG-LADANG BESAR YANG TELAH DAPAT MENGELUARKAN HASIL YANG BANYAK.

+ DENGAN PERCANTUMAN LADANG, PEKEBUN-PEKEBUN KECIL BOLEH MENJADI PEMEGANG SAHAM DI SAMPING BEKERJA DI LADANG.

+ INI BERMAKNA PARA PEKEBUN KECIL AKAN MENDAPAT DUAPENDAPATAN IAITU GAJI DAN DIVIDEN, + KATANYA.

SEBELUMNYA BELIAU DIBERI TAKLIMAT MENGENAI PROJEK RANCANGAN PENYUSUNAN SEMULA KAMPUNG TERSEBUT OLEH PENGURUS BESAR PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR, ENCIK ISHAK HASHIM.

PROJEK KAMPUNG TERSUSUN YANG PERTAMA DI SELANGOR ITU MELIPUTI KAWASAN SELUAS 11,000 HEKTAR MELIBATKAN 1,500 KELUARGA DARI LIMA BUAH KAMPUNG DI SEKITAR KAWASAN ITU.

DI BAWAH PROJEK ITU KERAJAAN AKAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR SEPERTI SEKOLAH, SURAU, KEDAI, BALAI RAYA, PADANG PERMAINAN DAN 95 UNIT LOT PERUMAHAN.

JIKA PERLU KERAJAAN NEGERI AKAN MENIMBANG KEMUNGKINAN MENGADAKAN TAPAK-TAPAK PERUSAHAAN KECIL DI KAWASAN BERHAMPIRAN BAGI MEMBOLEHKAN KILANG-KILANG YANG SESUAI DIBINA BERHAMPIRAN DENGAN PENDUDUK LUAR BANDAR, KATANNYA. -- BERNAMA